

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. Ir. Shaharuddin bin Ismail
[Kangar]**

NO. SOALAN : 5

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian sepanjang tahun 2013 bagi membangunkan dan menyelenggara infrastruktur asas seperti membina dan menaik taraf jalan raya, bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Perlis.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2013, peruntukan sebanyak RM13.18 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian bagi membina dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur asas seperti jalanraya, bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar di negeri Perlis. Pecahan peruntukan yang dibelanjakan mengikut program adalah seperti berikut:-

Program	Peruntukan (RM)
Jalan Perhubungan Desa (JPD)	640,000.00
Jalan Luar Bandar (JALB)	11,504,100.00
Bekalan Air Luar Bandar (BALB)	825,534.00
Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	210,000.00
JUMLAH	RM13,179,634.00